

Nor Hannan Nadhirah Raih Tempat Ketiga dalam Acara Mimbar Da'i ILsS Peringkat Kebangsaan 2025



Alor Setar, 11 Ogos 2025 – Pertandingan Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah (ILSS) Kementerian Pendidikan Malaysia peringkat kebangsaan tahun 2025 telah melabuhkan tirainya dengan penuh gilang-gemilang di Dewan Universiti Antarabangsa Al Bukhary, Alor Setar, Kedah.

Acara tahunan yang berlangsung pada 8 dan 9 Ogos di SMKA Jerlun, Kedah itu menghimpunkan seramai 384 peserta dari seluruh negara dalam pelbagai pertandingan seperti Dai Cilik, Mimbar Dai, Kalam Arabi, Kalimatussobah, Hiwar dan Kalam Jamai.

Nor Hannan Nadhirah binti Ahmad Aizuddin dari Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA MAIWPL) berjaya merangkul tempat ketiga dalam acara Mimbar Da'i. Beliau bersaing dengan 15 peserta lain dari pelbagai negeri seluruh negara.







Dengan tajuk "Islam", Hanan berjaya menyampaikan mimbar daie dengan penuh penghayatan, pengolahan isi yang mantap serta interaksi yang berkesan bersama penonton.

Majlis penutupan ILSS secara rasmi telah disempurnakan

oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Dasar dan Kurikulum YBrs. Dr. Rusmini Ku Ahmad pada 11 Ogos 2025 yang menandakan berakhirnya ILSS 2025 yang bukan sahaja menjadi medan pertandingan, tetapi juga platform memperkuuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah.





**SENI SILAT BENTUK
KEMENJADIAN MURID,
MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN**



Labuan, 10 Ogos 2025 – Penglibatan murid dalam seni silat memberi kesan positif terhadap sahsiah, disiplin dan kecergasan fizikal mereka.

Di samping, melahirkan generasi yang berdaya saing dan memupuk ketahanan mental, sekaligus membentuk kemenjadian murid.

Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran merangkap Memangku Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Yahya Ahmad Puteh berkata, seni silat bukan sahaja melatih kemahiran mempertahankan diri, malah membentuk jati diri yang teguh.

Tambah beliau, silat bukan sahaja milik sesuatu kaum atau agama, sebaliknya ia bersifat universal. Ini sekaligus membuktikan silat mampu menjadi jambatan perpaduan dan simbol kesepaduan masyarakat MADANI.

“Silat ini merupakan satu sukan yang boleh disertai oleh bukan sahaja oleh anak-anak murid kita dalam kalangan orang-orang melayu tetapi juga dalam kalangan anak-anak kita yang bukan melayu”.

“Jadi jauh tersirat daripada itu sukan ini menyatukan kita dalam elemen kepelbagaiannya kaum kita itu”, katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penutupan

Kejohaan Silat Peringkat Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kami silat ini semuanya menyatukan kita nda kira kita ini lain daripada kaum lain bangsa lain jadi yang penting sini saya tekankan kita semua boleh mengikut silat tanpa ada kekangan apa-apa jadi wardah perpaduan dan kita semua boleh disatukan melalui silat ini”, jelas Aonell Alde Samlie dari peserta SM Sains Labuan kepada pemberita.

Sementara itu, seramai 250 penyertaan dari seluruh sekolah rendah dan menangah di Labuan menyertai Kejohanan berkenaan yang berlangsung di Dewan Kolej Vokasional Labuan.

Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Aru dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara masing-masing muncul juara keseluruhan bagi kategori sekolah rendah dan menengah.

Hadir sama, Yang Dipertua Persatuan Pencak Silat Kebangsaan (PESAKA) Labuan, Mohd Khairul Ghani.

[#beslabuan](#)

[#beritartmlabuan](#)

Sumber Berita : BES Labuan





KARNIVAL KEMPEN INTERNET SELAMAT PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2025



Labuan, 6 Ogos 2025 – Lebih 300 pelajar dan guru daripada 28 buah sekolah menjayakan Karnival Kempen Internet Selamat peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, bertempat di Dewan Kompleks Darul Kifayah MAIWP Labuan.

Ia dianjur Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jelas Pengarah MCMC Wilayah Persekutuan, Faisal Hamdi Mohammed Ghouth, matlamatnya memperkasa literasi digital dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar dan remaja, agar lebih peka terhadap keselamatan siber.

Pengisian termasuk aktiviti interaktif dan ceramah pendidikan berkaitan etika penggunaan internet, perlindungan data peribadi dan pencegahan jenayah, buli siber.

Tambah beliau, program adalah kesinambungan daripada pelancaran Kempen Internet Selamat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa sempena Borneo Flora Festival @Labuan 2025.

Program diharap memberi impak positif, meningkatkan kesedaran risiko dunia digital dan menjadi pengguna bertanggungjawab.

Selain memperkasa peranan guru dalam memastikan mesej keselamatan internet disampaikan secara berterusan di sekolah masing-masing.

Hadir sama, Pengarah MCMC Selangor, Amal Abdul Aziz dan Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Labuan, Yahya Ahmad Putih.

[**#MCMC**](#)

[**#KempenInternetSelamat**](#)

[**#beslabuan**](#)

[**#beritalabuan**](#)

Sumber Berita : BES Labuan









KARNIVAL PENDIDIKAN KHAS SEMPENA 30 TAHUN PENUBUHAN JABATAN PENDIDIKAN KHAS BRUNEI DARUSSALAM



Labuan, 5 Ogos 2025 – Kontinjen Pendidikan Khas Wilayah Persekutuan Labuan mencatat kejayaan membanggakan dengan membawa pulang beberapa anugerah dalam Karnival Pendidikan Khas sempena ulang tahun ke-30 penubuhan Jabatan Pendidikan Khas Brunei Darussalam. Acara gilang-gemilang itu berlangsung pada 2 hingga 3 Ogos 2025 di One City Shopping Centre, Kampung Sungai Hancing, Brunei Darussalam.

Penyertaan delegasi dari WP Labuan ini dilihat sebagai satu inisiatif cemerlang dalam memupuk hubungan silaturahim serta pertukaran budaya antara dua negara melalui bidang pendidikan khas.

Dalam pertandingan yang sengit itu, para peserta dari Labuan menunjukkan bakat yang luar biasa dan semangat juang yang tinggi, sekali gus berjaya meraih beberapa kedudukan teratas:

- **Johan Peragaan Pakaian Tradisional Kategori Sekolah Rendah Perempuan:** Kemenangan ini menonjolkan kreativiti dan keindahan warisan budaya yang

dipersembahkan dengan penuh yakin oleh peserta.

- **Johan Kolaj Kertas Kategori Sekolah Rendah:** Hasil seni kolaj yang kemas dan kreatif berjaya menambat hati juri, membuktikan bakat seni yang tersendiri.
- **Johan Kolaj Manik Kategori Sekolah Menengah:** Kerja tangan yang halus dan teliti dalam menghasilkan kolaj manik ini mengukuhkan dominasi kontinjen dalam kategori seni visual.
- **Tempat Ketiga Nyanyian Solo Kategori Sekolah Rendah:** Persembahan vokal yang mantap dan merdu berjaya menempatkan peserta Labuan di kedudukan ketiga, membuktikan bakat mereka bukan sahaja dalam bidang seni visual, tetapi juga dalam seni persembahan.

Kejayaan ini bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada kontinjen Pendidikan Khas WP Labuan, tetapi juga kepada seluruh warga pendidikan di Malaysia. Ia membuktikan bahawa pelajar berkeperluan khas mempunyai potensi yang besar untuk bersaing di peringkat antarabangsa jika diberi platform dan bimbingan yang betul.

Penglibatan dalam karnival seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memberi lebih banyak pendedahan dan peluang kepada pelajar-pelajar istimewa ini untuk menonjolkan bakat mereka.

[#spkjpwl](#)

[#jpwl](#)

[#LabuanBISAI](#)

[#100peratuskitapunya](#)















CCD



Majlis Perpisahan “Langkahmu Dikenang, Jasamu Disanjung”



Labuan, 1 Ogos 2025 – Kelab Pendidikan JPWPL (KELPEN) telah menganjurkan sebuah majlis penuh emosi dan penghargaan bertempat di Bilik Mesyuarat Botanikal bagi menyantuni tujuh orang warga jabatan yang akan berpindah.

Mereka bukan sekadar meninggalkan jejak, tapi juga inspirasi yang akan terus mekar di hati warga JPWPL. Pertukaran dan pusingan kerja pegawai JPWPL:

- En. Christopher (SPS) ke SMK TPBedaun
- Pn. Julynah (SIP) ke SK Bebuloh
- Cik Maznah (SPM) ke SMK Rancha-Rancha
- Pn. Nora (SPg) ke SM St Anthony
- Pn. Ainita (SICT) ke Jabatan Akauntan Negara WP Labuan
- En. Suliman (SICT) ke Hospital Labuan
- En. Norizal (SICT) ke Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Hartan BPPH WP Labuan

Majlis ini bukan sekadar perpisahan tetapi sebagai tanda penghargaan dan kenangan manis warga jabatan di bawah bumbung JPWPL.

Semoga mereka terus cemerlang di tempat baharu. Kerana yang datang akan pergi, tapi kenangan takkan pernah berakhir.







Majlis Ringkas Pemberian

Sumbangan Pelajar Cemerlang STPM



Labuan, 1 Ogos 2025 – Majlis Ringkas Pemberian Sumbangan Pelajar Cemerlang STPM oleh Datuk Wong Kii Yee, Presiden Perniagaan Tionghua Labuan pagi tadi di Bilik Botanikal, Jabatan Pendidikan Labuan.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Tuan Haji Sawal bin Hj Salleh, Ketua Kaunselor Negeri, Sabdin Japaruddin, Penolong Kanan Tingkatan Enam SMK Labuan, Shaminan Sabtu, Penolong Kanan Pentadbiran SMK Labuan, Abdul Ghaffar Salleh, Guru Tingkatan Enam, Norita binti Madina.

Semoga kita akan dapat melahirkan lebih ramai anak2 STPM yang cemerlang pada tahun mendatang.

[#spbjpwpl](#)

[#jpwl](#)
[#LabuanBISAI](#)
[#100peratuskitapunya#](#)



Pertandingan Kebangsaan Robotik (National Competition) Peringkat W.P. Labuan Tahun 2025



LABUAN, 1 Ogos 2025 – Suasana meriah menyelubungi Dewan Surapit SK Layang-Layangan hari ini apabila **Pertandingan Robotik Kebangsaan (National Robotic Competition) Peringkat W.P. Labuan** telah berjaya dianjurkan. Acara yang merupakan kolaborasi antara Kementerian Pendidikan dengan Sasbadi Holdings Sdn Bhd selaku rakan strategik ini, telah menarik penyertaan memberangsangkan daripada 39 pasukan robotik dari pelbagai sekolah di Labuan.

Pertandingan ini merupakan platform penting bagi menggalakkan minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) serta memupuk kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Para peserta telah menunjukkan semangat kesukunan dan keupayaan inovasi yang tinggi sepanjang pertandingan berlangsung.

Pasukan yang berjaya merangkul gelaran johan pada peringkat negeri ini akan diberi penghormatan untuk **mewakili W.P. Labuan** ke pertandingan di peringkat

kebangsaan. Ini merupakan peluang keemasan bagi mereka untuk menguji kemahiran di pentas yang lebih besar dan bersaing dengan pasukan-pasukan terbaik dari seluruh negara.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta atas usaha dan dedikasi mereka. Semoga wakil Labuan akan terus cemerlang dan mengharumkan nama W.P. Labuan di peringkat kebangsaan!

[#spmjpwpl](#)

[#jpwpl](#)

[#LabuanBISAI](#)

[#100peratuskitapunya](#)










Kunjung Hormat JAWI ke Jabatan Pendidikan WP Labuan



Labuan, 31 Julai 2025 – Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di Bilik Mesyuarat Botanikal pada jam 2.30 petang.



Pertemuan ini bertujuan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua agensi, khususnya dalam hal ehwal pendidikan Islam. Antara perkara utama yang dibincangkan ialah pendaftaran Sekolah Integrasi Rendah Agama (SIRAJ) Saidina Umar Al-Khattab sebagai langkah memperluas akses pendidikan agama secara sistematik di Labuan.

Rombongan daripada JAWI diketuai oleh Us Muhd Najib bin Abd Rahim, Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Pelajaran JAWI Labuan.





Turut hadir Ustzh Juwita bt Jimi, Penolong Pegawai, Cawangan Pelajaran JAWI Labuan, Ustaz Radzizam bin Ag Damit, Guru Besar SIRAJ Saidina Umar Al-Khattab.

Perbincangan dua hala ini telah dipengerusikan oleh Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran yang menjalankan tugas sebagai Pengarah Pendidikan WP Labuan.

Pertemuan ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkasa pendidikan Islam dan memperkuuh jaringan kerjasama antara institusi pendidikan dan keagamaan di Wilayah Persekutuan Labuan.



